

**PASAL PERTAMA : PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
SEBELUM PENJAJAHAN BRITISH**

**FASAL PERTAMA - PENTADBIRAN AGAMA ISLAM SEBELUM
PENJAJAHAN BRITISH**

**1.1 - Sejarah ringkas Negeri Pahang sebelum
kedatangan Islam.**

Pahang merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia dengan lebih daripada 50 peratus penduduknya terdiri daripada bangsa Melayu yang kebanyakannya mengamalkan adat Temenggung. Mereka menganut Agama Islam yang dipengaruhi oleh undang-undang adat dan kepercayaan lama.
 1
 2

Melaka telah dibuka pada tahun 1411, namun begitu Pahang telah pun ada sebelum tarikh tersebut, hingga orang-orang Majapahit sendiri berpendapat dan menyebut bahawa Semenanjung Malaysia ini sebagai Pahang sahaja. Di waktu itu di bahagian utara Semenanjung dikuasai oleh Kerajaan Ligor dan Pahang di selatannya. Negeri ini pernah ditakluki oleh Kerajaan Sri Vijaya, Majapahit, Siam, Melaka dan Aceh. Oleh itu, terdapat kesan-kesan daripada peninggalan pemerintahan kerajaan tersebut yang masih ada. Antaranya ialah agama dan kepercayaan-kepercayaan penduduknya. Penaklukan Sri

Vijaya dan Majapahit telah membawa agama dan adat Hindu ke negeri ini. Siam pula membawa agama Buddha-Mahayana. Manakala Melaka dan Aceh membawa agama Islam.

Negeri Pahang dahulunya dikenali oleh pengembara-pengembara luar dengan pelbagai nama. Pengembara-pengembara China menyebutnya sebagai Pak-Leng, Peng-heng, Pang-Hang, Pong-Pang, Phe-Hang, Peng-Hang (ini termasuklah Fei Hsien sendiri). Penulis-penulis barat memanggil Pahang dengan sebutan Pam, Pan, Paam Pao,
Paon, Phaen, Pahan, Tenhan, Phang Pahangh.³ Tun Sri Lanang menggelarkan Pahang sebagai Inderapura.⁴⁵

Haji Buyong Adil dalam bukunya Sejarah Pahang berpendapat asal nama Pahang adalah dari bahasa Siam-Asli (Khmer) yang bermaksud timah. Ini mungkin disebabkan pada waktu itu banyak timah dihasilkan oleh negeri ini.⁶ Sementara orang-orang Jakun mendakwa bahawa nenek moyang mereka dahulu menyebut negeri ini sebagai "Mahang". Orang-orang tua di negeri ini pula berpendapat nama ini sebenarnya berasal dari nama sebatang pokok.⁷

Kedatangan dan penaklukan Sri Vijaya dan Majapahit

hit telah membawa kepercayaan Hindu ke Pahang. Sebelum itu, kebanyakan penduduk negeri menganut fahaman animisme. Walau bagaimanapun G.R. Tillibetta tidak dapat memastikan apakah agama asal di Pahang dalam membuat komenar mengenai catitan "Masuki" dalam bukunya 'Muzj al Dhahab' yang berbunyi:

" Di laut Kenderang ramai orangnya, termasuklah orang yang disebut Panjab yang berambut ikal dan berbentuk badan yang ganjil rupanya. Mereka menggunakan perahu kecil dan datang mengelilingi sebarang kapal-kapal yang tiba ke tempat mereka. Mereka melepaskan sejenis anak panah yang ganjil dan beracun." ⁸

G.R. Tillibetta berpendapat Laut Kendarang itu dimaksudkan sebagai Laut Cina Selatan dan 'Panjab' itu ialah Panghang atau Pahang.

Kerajaan Sri Vijaya telah ujud di Asia Tenggara sejak abad ke tujuh lagi. Salah satu jajahannya ialah Pahang. Kenyataan oleh Chao Ju-hua mengatakan bahawa Sri Vijaya telah menakluki Pahang pada tahun 1225 (ia menyebut Pahang sebagai Peng-h'eng dan Sri Vijaya sebagai San Po-chi). Mengenai penduduk dan kepercayaan

mereka telah dinyatakan oleh Wang Ta Yuan dalam bukunya "Tao-i-chi-ho" yang ditulis pada tahun 1349 seperti berikut:

"..... adat orang-orang dalam negeri itu sedikit sahaja berzanya dengan adat orang-orang di Ting-chiaw (Tezengganu). Rambut lelaki dan perempuannya bersanggul nezeka manakai pakaian daripada benang kapas yang laboh dari kain itu dilikat berkeliling pinggang dengan tali kain benang kapas juga". 9

Berdasarkan butiran ini, ada dua sebab utama kenapa dinyatakan Pahang itu beragama Hindu:-

a/ Sri Vijaya ialah sebuah kerajaan Hindu di Asia Tenggara. Keseluruhan cara hidup rakyat mereka dipengaruhi oleh agama itu. Agama ini berkembang bila berlaku sebarang penakukan dan percampuran mereka dengan penduduk tempatan. Sedikit sebanyak agama ini mempunyai persamaannya dengan kepercayaan penduduk tempatan. Oleh itu tindakan yang menjadi persoalan kenapa ia begitu mudah diterima oleh penduduk tempatan kerana adanya proses asimilasi antara satu sama lain.

b/ Pakaian yang sering di sebut oleh Wang Ta Yuan itu sering dipakai oleh mereka yang beragama Hindu. Ini

sempunyal persamaan dengan apa yang pernah dipakai oleh penduduk Kerajaan Langkasuka. Kebudayaan ini berbeza sama sekali kalau hendak dinyatakan sebagai kebudayaan Budhha. Pakalan-pakalan itu adalah tiruan dari kebudayaan Hindu.

Berdasarkan ini, Pahang di waktu itu dipengaruhi oleh kepercayaan Hindu. Ini diperkuatkan oleh suatu catatan daripada sejarah Dinasti Ming dalam bukunya "Ming - Shih" (1368-1643) yang secara kesimpulannya menyatakan agama yang dianuti oleh penduduk Pahang 10 ialah agama Hindu.

Siam di awal kurun ke empat belas telah menawan Kerajaan Patani di Utara Semenanjung Tanah Melayu. Fei Hsin dalam bukunya "Msing - Chie Sang Lan" yang bertarikh 1436 M. telah menceritakan keadaan negeri Pahang, penduduk, kepercayaan dan kebudayaan mereka. Fei Hsin sedikit pun tidak menyatakan apakah agama yang dianuti oleh mereka. Sebagai seorang Cina Islam, ia berpendapat kebudayaan seperti itu adalah karut menutut kacamata-nya. Di waktu itu Pahang telah dipengaruhi oleh agama Budhha-Mahayana. Sebaliknya kekuasaan Sri Vijaya dan Majapahit tidak sekuat dahulu lagi. Pengaruh agama Budhha telah mengalir masuk ke Pahang sebagaimana

mengalirnya pengaruh Siam menggantikan Pengaruh Sri Vijaya - Hindu. Tidak hairan kalau Tun Sri Lanang, Pengarang Sejarah Melayu menceritakan bagaimana keadaan Inderapura (Pahang) dengan rajanya 'Sri Mahakaja'¹¹ tertakluk kepada Paduka Bunbunnya (Raja Siam).

Telah dinyatakan bahawa Melaka telah dibuka pada tahun 1411 iaitu terkemudian dari ujudnya Kerajaan Pahang. Dari segi perkembangan Agama Islam, Melaka lebih memainkan peranan besar dalam mengislamkan Pahang. Ini terbukti dengan tiadanya kenyataan lengkap dan kuat mengenai Islam di Pahang sebelum kedatangan Melaka. Walau bagaimanapun de Evedia, seorang penulis Portugis, menyatakan agama Islam telah sampai ke negeri ini sebelum Melaka. Namun begitu tiada kenyataan tegas sama ada ianya menandakan Agama Islam telah bertapak atau hanya telah dibawa oleh pedagang ke sana. Juga tidak terdapat bukti bahawa Islam telah tersebar ke Pahang pada jangkavaktu itu.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan itu bolehlah dibuat kesimpulan bahawa undang-undang yang dipakai (lebih tepat jika dikatakan hukum atau adat) pada waktu

itu adalah sama ada Hindu atau Budha. Ini berdasarkan kepada kenyataan bahawa agama dan masyarakat saling berkait. Oleh itu untuk menjaga kemantapan agama seharusnya diadakan peraturan-peraturan untuk mengelak perkara-perkara yang tidak diingini masyarakat sebagai satu 'sanction'.

1.2 - Sejarah kedatangan Islam ke Pahang.

Terdapat percanggahan pendapat mengenai tarikh sebenar kedatangan Islam ke Pahang. Ini disebabkan tiada suatu kenyataan lengkap yang dapat dipegang untuk catatan. Godinho de Evedia berpendapat bahawa negeri Pahang lebih dahulu Islam daripada Melaka. Tetapi tiada sokongan dari kenyataan-kenyataan lain melainkan baru-baru ini satu Batu Bersurat telah dijumpai di Teluk Cik Munah, Pekan yang bertarikh 419 H. Tarikh ini lebih awal daripada tarikh Batu Bersurat di Terengganu (702 H.).¹³ Namun begitu ini bukanlah merupakan suatu bukti yang kukuh untuk mengatakan bahawa Islam telah dianuti oleh penduduk negeri ini kerana tiada kenyataan sokongan lain yang kukuh. Kemungkinan Batu Bersurat ini

telah dibawa oleh pedagang Islam ke sini. Manakala menurut anggapan Pei Hain (dalam karangannya tahun 1436) bahawa penduduk Pahang pada masa itu 'masih mempercayai perkara-perkara kafir'. Ini mungkin kepercayaan dari agama Hindu.
14

Sejarah Islam ke Pahang dapat disusuli sejak dari penaklukan Melaka. Semasa pemerintahan Sultan Mudzaffar Shah, Raja Siam (Paduka Bunbunnya menurut Tun Sri Lanang) memerintah supaya Melaka diserang kerana enggan untuk datang menyembah ke Siam. Panglima Avi Chakri atau Avi Dicu, telah dihantar melalui Ulu Pahang untuk menyerang Melaka pada tahun 1445. Di masa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1456-1477) dengan diketuai oleh Tun Perak dan Seri Bija Dizaja, Melaka telah menyerang Pahang dan menawan rajaanya. Pada masa pemerintahan beliaulah anakandanya Sultan Muhammad, telah dilantik menjadi Sultan Pahang yang pertama.
15
16
17

Orang-orang Melaka pada masa itu telah membuat penempatan mereka di Tembeling hingga Mercong, sekitar Tasik Cini, Rompin, Terusang Sempuze, Bebar, Jeram Kual (Koi), Jong Berlabuh, Lubok Pelang, Lubok Paku, Cini, Langgar dan Pengkalan Durian di Ulur Bebar.
18

Sejak penaklukan Melaka ini, Islam telah tersebar ke Pahang dan menjadi agama rasmi negeri ini. Pengaruh Islam ini lebih dahulu berkisar di kalangan istana sebelum tersebar di kalangan rakyat. Keteguhan Islam di negeri ini terbuktikan pada zaman Sultan Muhammad Shah I. Ini dapat dilihat dari batu nisan yang didapati di Dusun Pinang, di tebing sebelah timur Sungai Pahang Tu yang jauhnya lebih kurang setengah batu dari kuala sungai itu. Batu nisan ini dikatakan serupa atau sejenis dengan batu nisan yang didatangkan dari Aceh. Kedua-dua batu nisannya bertulis sebelah menyebelah dengan geonologi Sultan Muhammad Shah I dan teks dari-
 19
 pada Al Quran.

17

Bermula pada tahun 1550 M., orang-orang Minangkabau dari Sumatera telah berpindah ke Pahang. Kedatangan mereka ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi kepercayaan penduduk tempatan. Mereka dikatakan telah mengangkat agama Islam kira-kira lima abad yang lalu. Ini dilihat kerana Pasai dan Inderagiri telah menjadi pusat
 20
 penyebaran Islam di Asia Tenggara ketika itu. Mereka datang menudik Ulu Muar dan membuka lombong emas, mencari gading gajah dan hasil-hasil hutan sebagai mata

pencarian. Mereka telah membuat penempatan di kawasan Jelai dan di sepanjang Sungai Pahang hingga ke Sungai Luit (daerah Maran sekarang). Ini boleh dibuktikan dengan adanya pengakuan daripada Orang Kaya Indera Pahlawan Cenor dan Maharaja Purba Jelai sendiri dengan mendakwa bahawa mereka adalah dari keturunan Minangkabau. Selain daripada itu "Journal Federated Malay States Museums" telah mencatatkan mengenai tradisi Minangkabau sepanjang Ulu Muar dan Beras iaitu kawasan penempatan awal orang-orang Minangkabau.

21

Terdapat beberapa catatan lain di masa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar, mengenai perlantikan ketua-ketua orang Minangkabau di tempat mereka. Secara tidak langsung kedatangan orang-orang Minangkabau ini telah menyebarkan agama Islam di kalangan rakyat biasa. Walau bagaimanapun agama Islam telah dicampur adukkan dengan kepercayaan lama yang sukar dikikis. Ini terlihat daripada keterangan yang mengatakan bahawa di dalam masyarakat tempatan pada masa itu terdapat "Tuan-tuan Salyid" yang dianggap keramat yang tinggal di merata tempat.

22

Pemerintahan keturunan raja Melaka berakhir di

23

masa Raja Abdullah (Marhum Muda).²³ Ia kemudiannya digantikan dengan pemerintahan berketurunan Bendahara Johor. Paduka Raja Tun Abdul Jalil, anak el marhum Bendahara Padang Saujana (Tun Habib Abdul Majid) telah dilantik menjadi Sultan Johor - Pahang yang pertama. Pada masa pemerintahan Bendahara Ali (1806-1857) berulah terdapat seorang kadi dan mufti yang dikatakan setiap hari datang mengadap beliau dan menezangkan ajaran Islam dan konsepnya.²⁴

Orang-orang Arab telah datang ke Pahang dan membuat penempatan di Kampung Maulana, Fekan. Mereka ini sangat dihormati oleh orang-orang Melayu hingga berbahasa kepada mereka juga seakan-akan seperti raja.²⁵ Mereka ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi kalangan istana dan zakyat di waktu itu disebabkan oleh kemudahan tazaf dan hubungannya dalam masyarakat. Keadaan sekeliling telah mempengaruhi kehidupan mereka di samping ada penyesuaian dengan ciri-ciri kehidupan penduduk tempatan.

Salah satu cubaan untuk menggunakan teori Islam dan Adat Melayu ialah dalam penciptaan "Hukum Kanun Pahang". Undang-undang Islam telah ditiru dalam kanun

ini, tapi malangnya tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya. Walaupun bagaimanapun, kanun ini telah menggambarkan sejauhmana undang-undang Islam telah diliuti oleh rakyat dan raja di mase itu pada segi dasarnya.

Selain daripada pengaruh kedatangan orang-orang luar, usaha mempelajari Agama Islam didepati juga dengan pemergian sendiri ke tempat-tempat yang menjadi pusat penyebarannya. Pada waktu itu, Patani dan Kedah merupakan pusat pengajian agama secara 'pondok' selain dari Kelantan kemudiannya. Hal ini disebabkan oleh kadi, mufti dan guru agama ketika itu dikhurasukan pada kalangan raja sahaja dan tidak pada rakyat seluruhnya.

Laporan Tahunan Negeri Pahang 1905 antara lain menyatakan bahawa:

" Seorang Pegawai Daerah di Pahang dalam tahun 1905 melaporkan tentang pemergian secara besar-besaran setiap pemuda daerah itu ke Patani dan Kedah untuk mendapat pelajaran agama yang tidak terdapat di Pahang".
26

Melihat kepada keterangan-keterangan di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa Undang-undang Islam telah mula disusun secara bersistem pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar (1592-1614) dengan wujudnya

'Hukum Kanun Pahang'. Manakala pembantu-pembantu dalam mentadbir dan mengaval perlaksanaan Undang-undang Islam (kadi dan mufti) telah dilantik di zaman pemerintahan Bendahara Ali (1806-1857) yang pada mulanya bertugas sebagai guru kepada sultan. '

'Hukum Kanun Pahang' ini terpakai sebagai undang-undang negeri selama lebih kurang tiga setengah abad, sehingga ke datangan Inggeris dan campur tangan mereka di dalam pentadbiran negeri ini pada tahun 1888. Kedatangan mereka ini telah membawa banyak perubahan kepada Undang-undang Islam khususnya.

Pada tahun 1885, mereka telah mula memperkenalkan satu enakmen bagi mentadbir orang-orang Islam di dalam negeri ini. Bermula dari sini satu demi satu enakmen dipinda bagi tujuan menyempitkan bidangkuasa Undang-undang Islam yang telah menjadi undang-undang asas sebelum ini di samping undang-undang adat. Enakmen-enakmen ini juga sedikit demi sedikit telah memindahkan serta mengubah suai kandungan-kandungan di dalam Hukum Kanun Pahang dan akhirnya telah memansuhkan keseluruhan penggunaannya dalam pentadbiran Agama Islam Negeri Pahang.

NOTA KAKI

- 1/ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Melayu, Universiti Malaya, 1972, hal. 162.
- 2/ Gullick JM., Sistem Politik Rumputer Tanah Melayu Negeri, DBP, 1970, hal. 223.
- 3/ Hj. Buyong Adil, Sejarah Melayu, DPP, 1973, hal. 1-3.
Linehan, History of Pahang, JMPRAS, Reprint 1972, hal. 1-3
- 4/ Ibid.
- 5/ Tun Sri Lanang, Sejarah Melayu, hal. 99, Cerita XIII.
- 6/ Hj. Buyong Adil, op.cit, hal. 1
- 7/ Linehan, op.cit.
- 8/ Paul Wheatley, The Golden Chersonese, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, hal. 28.
- 9/ Ibid, hal. 6.
- 10/ Hisnot, Historical Note on Indonesia and Malaya From Chinese Sources, hal. 157, nyatakan "Orang besar dengan orang kehanyakan di negri ini sangatlah berbaik-baik dan tidak ada roncuri, orang di sini sangat mempercayai kepercayaan-kepercayaan karut berkenaan dengan hantu-hantu dengan maksud hendak menolak bala atau hendak meminta apa keuntungan", (Hisnot) dan Linehan, History of Pahang, JMPRAS, Jilid XIV, Phg. II, 1976, hal. 5.
- 11/ Tun Sri Lanang, op.cit, hal. 5.
- 12/ Linehan, op.cit, hal. 7.
- 13/ Abdul Rahman Hj. Abdullah, Sejarah dan Pemikiran Islam, 1981, hal. 319.
- 14/ Linehan, op.cit, hal. 5.
- 15/ Nonsikut simpanan Perpustakaan Raffles no. 18, Ceritera VIII, penulis itu bernama Avi Chakra. Menurut buku "Pangsawadan Luang Presoot" (?), Raja Siam masa itu ialah "Pramo Raja II", dan Linehan, op.cit, hal. 7.

- 16/ Hj. Buyong Adil, Sejarah Melaka Pada Zaman Kerajaan Melayu, DBP, 1973.
- 17/ Menurut Sejarah Melayu, Beliau telah dihantar ke Pahang, akibat membunuh Tun Pesar, anakanda Tun Perak.
- 18/ Linehan, op.cit, hal 5.
- 19/ Linehan, Tomb - Stones of Muhammed Shah of Pahang, JMBRAS, Jld. IV, Bhg. II, 1926, hal. 188 - 190.
- 20/ Gullick, JM. op.cit, hal. 223.
- 21/ Journal of Federated Malay State Museum, Jld. IX, Bhg. II
- 22/ Gullick, JM. op.cit.
- 23/ Hj. Buyong Adil, op.cit, hal. 73.
- 24/ Beliau ialah: Tuan Sangeang (Kadi) dan Hj. Abdul Syukur (Rufti).
- 25/ Hj. Buyong Adil, "Sejarah Alam Melayu", Jabatan Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1949.
- 26/ Laporan Tahunan Negeri Pahang, 1905.